

JKDB Pekan Ranau komited jaga kebersihan persekitaran

- 2022-06-17T09:04:39+08:00



BERSEPADU: Para peserta merakamkan gambar kenangan bersama Tan (tengah) sebelum program bermula.

RANAU: Jawatankuasa Kesejahteraan Dalam Bandar (JKDB) Pekan ini komited memastikan kebersihan kawasan sekitar Ranau sentiasa terjamin bagi mengelakkan daripada penularan sebarang penyakit berjangkit berpunca daripada keadaan persekitaran kotor.

Pengerusi JKDB Pekan Ranau Tan Eng Sing berkata, kerjasama semua pihak adalah wajar dan amat penting dalam mewujudkan keadaan kawasan yang sentiasa bersih, indah serta selamat kepada semua pengunjung.

"Oleh itu, komitmen tinggi dan keprihatinan semua pihak dalam mewujudkan persekitaran serta kawasan sentiasa bersih adalah tanggungjawab bersama," katanya ditemui pada Program Gotong-Royong membersihkan kawasan dan persekitaran Pasar Malam Pekan Ranau baru-baru ini.

Sambil merakam penghargaan dan terima kasih kepada yang hadir menyertai program itu, Tan menyarankan kepada semua penjaja di tamu pasar malam supaya menyediakan tong sampah masing-masing untuk kemudahan penjaja serta orang awam.

"Jangan membuang sampah di merata tempat kerana ia menjijikkan mata memandang, malah boleh mengundang penyakit.

"Justeru kerjasama secara bersepadu dari semua pihak adalah amat penting bagi memastikan kawasan Ranau khususnya di sekitar Pekan sentiasa bersih," katanya.

Turut hadir bersama lebih 30 orang yang menyertai gotong-royong berkenaan ialah, Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Ranau (MDR) Jupirin Ruhimin dan Jawatankuasa JKDB Pekan Ranau.

Jupirin ketika ditemui, turut memuji dan berterima kasih atas inisiatif pihak JKDB memberi kerjasama kepada MDR dalam memastikan kawasan Pekan Ranau sentiasa bersih, ceria, indah dan selamat